

等 別：普通考試

類 科：外語導遊人員（馬來語）

科 目：外國語（馬來語）

考試時間：1 小時 20 分

座號：\_\_\_\_\_

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當的答案，複選作答者，該題不予計分。

(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。

(三)禁止使用電子計算器。

- 1 “Bilakah \_\_\_\_\_ ke Kuala Lumpur akan berlepas?” tanya penumpang di kaunter informasi.  
(A) penaikan (B) penerbangan (C) pengumuman (D) pendaftaran
- 2 “Selamat datang ke Taipei, \_\_\_\_\_,” kata Subang kepada ibu saudaranya.  
(A) pak cik (B) mak cik (C) ibu (D) encik
- 3 Semasa cuti Tahun Baru Cina, mereka \_\_\_\_\_ pulang ke kampung di Tainan.  
(A) seorang (B) seseorang (C) sekeluarga (D) sesekeluarga
- 4 Membuang pelitup muka \_\_\_\_\_ tempat adalah tabiat yang sangat buruk.  
(A) merata-rata (B) mana-mana (C) apa-apa (D) mengada-ada
- 5 Pergerakan keluar negara di Malaysia kini masih tidak lagi \_\_\_\_\_ kecuali bagi urusan-urusan tertentu.  
(A) diadakan (B) dibetulkan (C) dibenarkan (D) dijalankan
- 6 \_\_\_\_\_ utama untuk menyediakan kuih ini ialah telur ayam, gula pasir, tepung gandum dan sedikit minyak masak.  
(A) Bahagian-bahagian (B) Bahan-bahan (C) Barang-barang (D) Bagai-bagai
- 7 Rakan-rakan saya sering bercerita tentang \_\_\_\_\_ mereka ketika bercuti di Tainan.  
(A) penglihatan (B) pengetahuan (C) pendapatan (D) pengalaman
- 8 Wakil rakyat itu berjanji akan \_\_\_\_\_ masalah perparitan di Kampung Suria.  
(A) menghabiskan (B) menyiapkan (C) menyelesaikan (D) menunaikan
- 9 Pengiring menasihati pelancong-pelancong agar tidak bermain di kawasan tebing yang \_\_\_\_\_ itu.  
(A) curam (B) condong (C) serong (D) senget
- 10 Pihak polis berjaya \_\_\_\_\_ dua perompak yang merompak kedai emas itu.  
(A) memberkas (B) memeluk (C) mengambil (D) memegang
- 11 Terdapat banyak dedaun kering yang \_\_\_\_\_ di tepi jalan pada musim ini.  
(A) gugur (B) tumbang (C) rebah (D) roboh
- 12 Li Chuan dan keluarganya suka berkelah di air terjun itu kerana airnya \_\_\_\_\_.  
(A) tawar (B) jernih (C) payau (D) pekat
- 13 Bunyi loceng yang sangat kuat itu \_\_\_\_\_ saya daripada tidur.  
(A) mengejutkan (B) menyebutkan (C) memanggilkan (D) mengingatkan
- 14 Lori yang membawa \_\_\_\_\_ berlebihan itu telah ditahan oleh pihak polis.  
(A) memuatkan (B) muat (C) muatan (D) pemuat

- 15 Tukang masak itu memasukkan dua \_\_\_\_\_ garam ke dalam masakannya.  
(A) bungkus (B) biji (C) cubit (D) butir
- 16 Pegawai itu telah dijatuhkan hukuman penjara kerana \_\_\_\_\_.  
(A) makan angin (B) makan angkat (C) makan diri (D) makan suap
- 17 Orang Malaysia suka makan telur ayam \_\_\_\_\_ semasa bersarapan.  
(A) rebus (B) rebak (C) rebah (D) rebut
- 18 Persembahan itu mendapat sambutan \_\_\_\_\_ daripada para penonton.  
(A) bising (B) hangat (C) riuh-rendah (D) panas
- 19 \_\_\_\_\_ buku antarabangsa itu diadakan dari hari ini sampai hujung minggu ini.  
(A) Pameran (B) Sambutan (C) Majlis (D) Persembahan
- 20 Encik Carter berniaga sayur-sayuran di pasar tani. \_\_\_\_\_, dia juga berniaga buah-buahan tempatan.  
(A) Oleh sebab itu (B) Lebih-lebih lagi  
(C) Di samping itu (D) Oleh yang demikian
- 21 Tiket bas ekspres untuk pulang ke kampungnya di Taoyuan telah habis dijual. \_\_\_\_\_, Ting Yi cuba untuk mendapatkan tiket kereta api pula.  
(A) Tambahan pula (B) Hal ini demikian kerana  
(C) Lebih-lebih lagi (D) Lantaran itu
- 22 David \_\_\_\_\_ anak lelakinya sehelai baju baru sebagai hadiah Hari Jadinya.  
(A) membeli (B) membelikan (C) membeli (D) beli
- 23 Lapangan Terbang Songshan mencatatkan \_\_\_\_\_ positif pergerakan penumpang sebanyak 8.7 peratus pada tahun ini.  
(A) pertumbuhan (B) penawaran (C) perlepasan (D) pencapaian
- 24 Jualan kenderaan pada Januari 2022 \_\_\_\_\_ sebanyak 3 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas.  
(A) merosak (B) merosot (C) menaiki (D) menolak
- 25 Untuk menikmati perkhidmatan itu, pengguna hanya perlu \_\_\_\_\_ kepada WiFi secara percuma.  
(A) sambung (B) daftar (C) terima (D) sambut
- 26 Kebakaran hutan itu berlaku pada musim kering yang \_\_\_\_\_ selama beberapa bulan.  
(A) berlamaan (B) berlakuan (C) berdekatan (D) berlanjutan
- 27 Mereka akan menginap di Hotel Vista yang terletak lebih kurang 30km jauh dari \_\_\_\_\_ Keelung.  
(A) pelabuhan (B) pelaburan (C) pelayaran (D) penerbangan
- 28 Sila \_\_\_\_\_ kasut sebelum masuk ke dalam bilik mesyuarat ini.  
(A) tanggalkan (B) tinggalkan (C) tanggali (D) tinggali
- 29 Sebelum tekan pemicit pemadam api untuk memadamkan kebakaran, pin keselamatan perlu \_\_\_\_\_.  
(A) ditarik (B) ditolak (C) dicabut (D) dicubit
- 30 Bahagian kasut terletak di \_\_\_\_\_ pusat membeli-belah ini.  
(A) pertama tingkat (B) satu tingkat (C) tingkat satu (D) tingkatan satu

- 31 Tarikh tutup \_\_\_\_\_ borang adalah sebelum atau pada 31 Januari 2022.  
(A) pendaftaran (B) pembayaran (C) pendapatan (D) penghantaran
- 32 Pihak \_\_\_\_\_ menawarkan hadiah yang lumayan untuk pemenang pertandingan ini, iaitu wang tunai berserta lawatan ke Malaysia.  
(A) anjuran (B) penganjur (C) menganjur (D) penganjuran
- 33 Sambutan orang ramai \_\_\_\_\_ produk buatan Taiwan ini amat baik.  
(A) terhadap (B) oleh (C) untuk (D) kepada
- 34 Tarian Singa merupakan sebahagian daripada tarian tradisional dalam adat warisan \_\_\_\_\_ Cina.  
(A) mesyuarat (B) masyarakat (C) muafakat (D) syarikat
- 35 Beberapa orang pelayan restoran sedang \_\_\_\_\_ makanan di atas meja itu.  
(A) menikmati (B) mempersembahkan (C) mencadangkan (D) menghidangkan
- 36 Lif yang rosak sejak pagi ini masih dalam \_\_\_\_\_.  
(A) kebaikan (B) pembaiki (C) pembaikan (D) perbaikan
- 37 Pengurus kilang membawa kami ke bilik tetamu untuk mendengar \_\_\_\_\_ ringkas tentang cara menghasilkan batik.  
(A) alamat (B) matlamat (C) khidmat (D) taklimat
- 38 Tania ialah anak tunggal kerana dia merupakan \_\_\_\_\_ anak Encik Amir and Puan Kamala.  
(A) salah satunya (B) satu-satunya (C) satunya (D) kesatu-satunya
- 39 Pilih ayat yang betul:  
(A) Baju itu dimasukkan kepada mesin basuh.  
(B) Pameran kebudayaan itu diadakan hingga pada hari Selasa.  
(C) Puan Sulastri membeli tiga ketul buah epal di gerai buah-buahan itu.  
(D) Kumpulan tarian itu terdiri daripada enam orang penari.
- 40 Ribuan penonton mula memasuki stadium untuk \_\_\_\_\_ perlawanan bola sepak itu.  
(A) melakonkan (B) menunjukkan (C) mempersembahkan (D) menyaksikan
- 41 Encik Yong sanggup bekerja \_\_\_\_\_ demi menyara kehidupan isteri dan anak-anaknya.  
(A) kuat (B) berat (C) malas (D) keras
- 42 Angin yang bertiup perlahan itu tiba-tiba menjadi \_\_\_\_\_.  
(A) keras (B) petah (C) hangat (D) kencang
- 43 Industri pelancongan merupakan sektor paling penting bagi kemajuan dan \_\_\_\_\_ sesebuah negara.  
(A) pemandangan (B) kesempatan (C) perkembangan (D) pertunjukan
- 44 Berenang merupakan salah satu \_\_\_\_\_ yang baik.  
(A) senaman (B) jagaan (C) gerakan (D) tindakan
- 45 Pihak swasta haruslah **bekerjasama** dengan pihak kerajaan dalam sektor pelancongan. Perkataan yang sama makna dengan **bekerjasama** ialah:  
(A) terus-menerus (B) berganding bahu (C) berwaspada (D) bekerja keras

- 46 Ahli bomba telah berjaya \_\_\_\_\_ pemuda itu dari kebakaran.  
(A) mengubati (B) menyelamatkan (C) melepaskan (D) menyelenggarakan
- 47 Kelab-kelab pelancongan di komuniti tempatan boleh mengadakan lawatan \_\_\_\_\_ di tempat pelancongan tertentu.  
(A) tetapi bekerja (B) jangan merenung (C) sambil belajar (D) walaupun menginap
- 48 \_\_\_\_\_ kampung itu sedang mengadakan majlis sambutan Tahun Baru Cina.  
(A) Penumpang (B) Peserta (C) Penduduk (D) Peninggal
- 49 Tempat pelancongan di negara ini dibuka dengan banyak seperti \_\_\_\_\_.  
(A) sepanandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga  
(B) bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat  
(C) cendawan selepas hujan  
(D) seperti kaduk naik junjung
- 50 Fasih dalam pelbagai bahasa membawa kebaikan \_\_\_\_\_ para pelajar untuk lebih mudah melanjutkan pelajaran \_\_\_\_\_ peringkat yang lebih tinggi.  
(A)...ke...kepada (B)...kepada...ke (C)...kepada...di (D)...pada...ke
- 51 Kemudahan tempat membeli-belah dan kawasan \_\_\_\_\_ harus disediakan untuk menampung keperluan pelancong luar negara.  
(A) bebas cukai (B) tanpa cukai (C) tambah cukai (D) dikenakan cukai
- 52 Karya lukisan ini telah menghalang kampung ini daripada terbongkar \_\_\_\_\_ menyelamatkan dan memelihara sejarah kampung ini.  
(A) sekaligus (B) setidaknya (C) sebenarnya (D) seharusnya
- 53 Taman pergunungan Yushan yang meliputi \_\_\_\_\_ 103,121 hektar juga dikenali sebagai syurga untuk pendaki gunung.  
(A) sekali-kali (B) sekaligus (C) seberapa (D) sejumlah
- 54 Wulai adalah \_\_\_\_\_ kepada penduduk Atayal dan terkenal di seluruh Taiwan dengan kolam \_\_\_\_\_.  
(A) kampung halaman...air panasnya (B) kampung halaman...air kuningnya  
(C) rumah...air didihnya (D) rumah...air suaminya
- 55 Dengan banyak aktiviti luar yang ditawarkan, anda boleh menerokai hutan, \_\_\_\_\_ di sungai dan berkhemah di tengah-tengah hutan sambil menikmati pemandangan yang \_\_\_\_\_.  
(A) bekerjasama...kurang indah (B) mencari rezeki...menarik  
(C) memancing...menarik (D) berjalan-jalan...melompat
- 56 \_\_\_\_\_ 2.45 peratus populasi Taiwan merupakan penduduk asli.  
(A) Sangat banyak (B) Terlalu ramai (C) Kira-kira (D) Tidak banyak
- 57 Mike berasa gembira kerana \_\_\_\_\_ tawaran untuk bekerja di Taipei.  
(A) mendapat (B) mendapati (C) berpendapat (D) berpendapatan

- 58 Dahulu kawasan ini hanya didiami oleh sembilan buah keluarga, kini Jiufen \_\_\_\_\_ ratusan pelancong setiap hari.  
(A) menyambut (B) mengangkut (C) mengambil (D) mempercayai
- 59 Jika anda ingin melihat pemandangan matahari terbit, anda harus menempah rumah tumpangan \_\_\_\_\_.  
(A) lebih awal (B) lebih cepat (C) lebih lambat (D) lebih dekat
- 60 Perjalanan itu \_\_\_\_\_ kira-kira 1.5 jam.  
(A) mendaki gunung (B) memakan masa  
(C) menikmati pemandangan (D) menaiki bas
- 61 Pemandu pelancong yang \_\_\_\_\_ harus menjaga keselamatan pelancong yang dibawa dan sentiasa menjaga \_\_\_\_\_ mereka.  
(A) bertanggungjawab...keselesaian (B) berpengalaman...keberhasilan  
(C) bersantai...kesenian (D) bersamping...keindahan
- 62 Sebagai seorang pemandu pelancong, anda semestinya \_\_\_\_\_ sikap profesionalisme dan memberi komitmen yang \_\_\_\_\_.  
(A) menjaga...penting (B) mengetahui...cemas  
(C) mendapatkan...rendah (D) mengamalkan...tinggi
- 63 Saya menuliskan semua \_\_\_\_\_ seperti polis, bomba, ambulans, pengendalian pelancongan dan sebagainya di sini.  
(A) perjanjian (B) talian kecemasan (C) ganjaran (D) kepentingan
- 64 Aktiviti pelancongan \_\_\_\_\_ pertumbuhan ekonomi dunia serta memberi kesan positif terhadap pendapatan dan \_\_\_\_\_.  
(A) meningkatkan...habitat binatang liar  
(B) menggalakkan...peluang pekerjaan  
(C) merendahkan...imej negara  
(D) menunjukkan...peraturan dan undang-undang negara
- 65 Banyak muzium nasional di Taiwan \_\_\_\_\_ perkhidmatan pemandu pelancong dalam beraneka bahasa secara \_\_\_\_\_.  
(A) menerima...bantuan (B) menggalakkan...berharga  
(C) menawarkan...percuma (D) melaksanakan...lawatan
- 66 Untuk \_\_\_\_\_, orang ramai boleh \_\_\_\_\_ akaun sosial rasminya sama ada laman Facebook atau Instagram selain e-mel kepada pihak berkuasa.  
(A) hari berkenaan...merancang daripada  
(B) maklumat lanjut...berhubung menerusi  
(C) bantuan kewangan...mengangkut melalui  
(D) memperkenalkan...mempromosikan melawati

- 67 Kami amat \_\_\_\_\_ menerima maklum balas daripada pengunjung.  
(A) bertinggi kepala (B) berduka cita (C) berbesar hati (D) berhidung lebar
- 68 Tiada \_\_\_\_\_ dikumpul semasa pengunjung melayari laman web rasmi kami kecuali maklumat yang \_\_\_\_\_ oleh anda melalui e-mel.  
(A) jawapan betul...ditimbang (B) maklum balas...diambil alih  
(C) maklumat peribadi...dikemukakan (D) alamat lengkap...diberikan
- 69 Tiga pakej lawatan berpandu iaitu “Taipei Sightseeing Tour”, “Tainan Panoromic Tour” dan “Pingtung Saturday Fun” yang akan \_\_\_\_\_ pada akhir bulan ini, dijangka akan \_\_\_\_\_ lagi sektor pelancongan di seluruh Taiwan.  
(A) dilancarkan...menyemarakkan (B) diluncurkan...membakar  
(C) dilaksanakan...menyampaikan (D) diadakan...menundakan
- 70 Bayaran yang \_\_\_\_\_ ialah NT800 bagi dewasa dan NT400 bagi kanak-kanak berusia antara empat hingga sebelas tahun.  
(A) dibetulkan (B) dikenakan (C) dianjurkan (D) dibungkus

Taichung merupakan sebuah bandar perindustrian di bahagian tengah barat Taiwan. Populasi penduduknya berjumlah kira-kira 2.78 juta orang dan disenaraikan sebagai salah satu bandar terpadat di Taiwan.

Ia merupakan pintu masuk ke kawasan pergunungan yang banyak terdapat di kepulauan Taiwan termasuk tarikan alam semula jadi seperti Tasik Sun Moon yang popular dengan aktiviti menaiki bot serta pendakian. Di pusat bandar pula terdapat lokasi tumpuan pelancongan seperti Muzium Sains Semula Jadi Negara, Muzium Seni Halus Negara Taiwan, kuil dan tiang bata Stesen Taichung yang merupakan tinggalan zaman kolonial Jepun bermula pada tahun 1895 hingga 1945 di Taiwan. Selain itu, Taichung juga terkenal dengan Pasar Malam Fengjia yang penuh dengan pelbagai kedai dan mempunyai waktu operasi yang lebih panjang. Pasar malam ini telah menjadi salah satu daripada “Sepuluh Tempat Bersiar-siar Terbaik di Bandar Taichung” yang diundi oleh orang ramai.

Taichung beriklim subtropika lembap dan hangat. Suhu tahunan purata mencecah 23.3 darjah Celsius dengan suhu tertinggi pada bulan Julai dan Ogos manakala suhu terendah pada bulan Januari dan Februari. Pelancong berpeluang menyaksikan keindahan bunga sakura di Taman Wuling antara bulan Januari hingga Mac pada setiap tahun.

Oleh sebab kedudukannya yang terlindung oleh banjaran gunung di bahagian timur dan Bukit Miaoli di bahagian utara, Taichung jarang terjejas oleh taufan. Walau bagaimanapun, taufan dari Laut China Selatan boleh **menimbulkan ancaman** kepada bandar ini seperti kejadian Taufan Wayne yang melanda pantai barat Taiwan berhampiran Taichung pada tahun 1986.

- 71 Pilih pernyataan yang betul tentang Taichung berdasarkan petikan ini.
- (A) Taichung kerap terjejas oleh Taufan.
  - (B) Suhu di Taiwan pada bulan Julai dan Ogos adalah 23.3 darjah Celsius.
  - (C) Taiwan pernah diperintah oleh Jepun.
  - (D) Taichung terkenal dengan pengeluaran pertanian.
- 72 Bulan Januari dan Februari adalah musim \_\_\_\_\_ di Taichung.
- (A) hujan
  - (B) kering
  - (C) sejuk
  - (D) panas
- 73 Antara lokasi pelancongan berikut yang manakah **bukan** tempat pelancongan yang terletak di pusat bandar Taichung?
- (A) Muzium Sains Semula Jadi Negara
  - (B) Muzium Seni Halus Negara Taiwan
  - (C) kuil dan tiang bata Stesen Taichung
  - (D) Tasik Sun Moon
- 74 Taichung tidak sering terjejas oleh Taufan kerana...
- (A) ia dekat dengan Laut China Selatan.
  - (B) ia terlindung oleh banjaran gunung dan Bukit Miaoli.
  - (C) ia beriklim lembap dan panas.
  - (D) ia pernah dilanda pada tahun 1986.
- 75 Erti **menimbulkan ancaman** di perenggan terakhir ialah
- (A) membahayakan
  - (B) mematikan
  - (C) menyakitkan
  - (D) menyeksa

Dalam industri pelancongan, pengurusan organisasi yang baik, destinasi pelancongan yang menarik dan strategi pemasaran yang efektif tidak dapat dimaksimumkan dan dikekalkan pasarannya tanpa pengurusan yang professional. Pengurusan pelancongan perlu mempunyai kemahiran komunikasi yang baik untuk berurusan dengan agensi pelancongan dan para pelancong terutamanya pelancong antarabangsa. Namun, harus ditegaskan bahawa kemahiran bahasa asing tidak datang secara sendirian tetapi bersama penguasaan bahasa dan juga budaya negara bahasa tersebut yang merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Kita harus sedar bahawa mempelajari bahasa asing bukan **sekadar** mengetahui struktur fonetik, kosa kata atau tatabahasa sahaja tetapi juga menelusuri apa-apa yang terkandung dalam budaya setiap masyarakat.

Pemandu pelancong perlu mempunyai **kemahiran** berkomunikasi antara budaya demi mencapai komunikasi yang efektif dan penyaluran maklumat yang tepat bagi membentuk pengalaman pelancong terhadap destinasi yang dilawati. Terdapat kajian penyelidikan yang meneliti pola komunikasi yang terdapat dalam komunikasi silang budaya antara pemandu pelancong semasa sesi pemanduan lawatan pelancongan. Perbualan pemandu pelancong dan pelancong dirakam, catatan pemerhatian turut dilakukan bagi membantu penyediaan transkripsi perbualan. Hasil kajian tersebut mendapati bukan sahaja aspek pengetahuan budaya antara kedua-dua negara tersebut banyak diaplikasikan tetapi aspek penggunaan bahasa asing juga memainkan peranan yang penting dalam komunikasi silang budaya antara kedua belah pihak tersebut. Dapatan daripada kajian ini diharapkan akan menjadi rujukan kepada pendidik dan perangka silibus pendidikan bahasa asing untuk pelancongan sebagai panduan dalam meningkatkan penguasaan komunikasi silang budaya dalam kalangan pemandu pelancong.

Pemandu pelancong yang boleh menguasai bahasa asing termasuk bahasa tumpuan pelancongan lain yang popular, pasti memudahkan kerja pemandu pelancongan dan justeru memperluaskan kesempatan kerjayanya sebagai pemandu pelancong. Bak kata pepatah **sambil menyelam minum air**, pemandu pelancong yang boleh menguasai bahasa asing akan lebih selesa memperkenalkan keistimewaan budaya dan sejarah setempat, bahkan juga membuat pelancong asing lebih memahami ciri-ciri khas setempat. Pendek kata, adalah penting untuk pemandu pelancong terus mempelajari bahasa asing dan pihak berkuasa juga harus memberikan bantuan untuk menggalakkan tindakan mereka.

- 76 Apakah perkataan lain yang sama makna dengan **sekadar**  
(A) hanya (B) tidak hanya (C) walaupun (D) sama
- 77 Apakah peribahasa lain yang sama makna dengan **sambil menyelam minum air**?  
(A) merokok sambil batuk kuat (B) makan nasi sambil goyang kaki  
(C) sambil berdendang nasi masak (D) sedang tidur mimpi menjadi
- 78 Perkataan berikut sama makna dengan **kemahiran**, kecuali:  
(A) kecekapan (B) kepentingan (C) kepandaian (D) keterampilan
- 79 Menurut petikan di atas, apakah faktor yang paling penting untuk mengembangkan pasaran pelancongan?  
(A) pengurusan organisasi yang baik (B) destinasi pelancongan yang menarik  
(C) strategi pemasaran yang efektif (D) kemahiran komunikasi yang baik
- 80 Yang berikut adalah penting dalam komunikasi silang budaya di bidang pelancongan, kecuali:  
(A) penggunaan dan penguasaan bahasa asing  
(B) pengetahuan budaya antara kedua-dua pihak  
(C) cara mempelajari bahasa Inggeris  
(D) memahami peranan bahasa dalam penyebaran ilmu budaya



# 測驗式試題標準答案

考試名稱：111年專門職業及技術人員普通考試導遊人員、領隊人員考試

類科名稱：外語導遊人員(馬來語)

科目名稱：外國語(馬來語)(試題代號：4213)

單選題數：80題 單選每題配分：1.25分

複選題數： 複選每題配分：

標準答案：

題號	第1題	第2題	第3題	第4題	第5題	第6題	第7題	第8題	第9題	第10題
答案	B	B	C	A	C	B	D	C	A	A

題號	第11題	第12題	第13題	第14題	第15題	第16題	第17題	第18題	第19題	第20題
答案	A	B	A	C	C	D	A	B	A	C

題號	第21題	第22題	第23題	第24題	第25題	第26題	第27題	第28題	第29題	第30題
答案	D	B	A	B	A	D	A	A	C	C

題號	第31題	第32題	第33題	第34題	第35題	第36題	第37題	第38題	第39題	第40題
答案	D	B	A	B	D	C	D	B	D	D

題號	第41題	第42題	第43題	第44題	第45題	第46題	第47題	第48題	第49題	第50題
答案	D	D	C	A	B	B	C	C	C	B

題號	第51題	第52題	第53題	第54題	第55題	第56題	第57題	第58題	第59題	第60題
答案	A	A	D	A	C	C	A	A	A	B

題號	第61題	第62題	第63題	第64題	第65題	第66題	第67題	第68題	第69題	第70題
答案	A	D	B	B	C	B	C	C	A	B

題號	第71題	第72題	第73題	第74題	第75題	第76題	第77題	第78題	第79題	第80題
答案	C	C	D	B	A	A	C	B	D	C

題號	第81題	第82題	第83題	第84題	第85題	第86題	第87題	第88題	第89題	第90題
答案										

題號	第91題	第92題	第93題	第94題	第95題	第96題	第97題	第98題	第99題	第100題
答案										

備註：